



**PEMBELAJARAN DARAH WANITA DALAM MATA  
PELAJARAN SAINS KURIKULUM STANDARD SEKOLAH  
MENENGAH (KSSM): SATU ANALISIS PERBANDINGAN  
ANTARA PERSPEKTIF FIQH DAN SAINS**

*THE LEARNING OF WOMEN'S BLOOD IN THE SCIENCE SUBJECT OF THE  
SECONDARY SCHOOL STANDARD CURRICULUM (KSSM): A COMPARISON  
OF FIQH AND SCIENTIFIC PERSPECTIVES*

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim<sup>1\*</sup>, Siti Falihah Yaakob<sup>2</sup>, Nor Fahimah Mohd Razif<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: tgsarina@um.edu.my

<sup>2</sup> Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: 17058346@siswa.um.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: norfahimah@um.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

**To cite this document:**

Kasim, T. S. A. T., Yaakob, S. F., & Razif, N. F. M. (2023). Pembelajaran Darah Wanita Dalam Mata Pelajaran Sains Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM): Satu Analisis Perbandingan Antara Perspektif Fiqh

**Abstrak:**

Pendidikan darah wanita merupakan satu korpus ilmu yang wajib dipelajari oleh lelaki dan wanita muslim yang mencakupi ilmu haid, nifas dan istihadah serta hukum-hukum yang berkaitan dengannya. Ini kerana, ilmu darah wanita merupakan salah satu sub perbincangan di bawah bab ibadat yang melibatkan hukum-hukum dalam rukun Islam seperti solat, puasa, dan haji. Di peringkat sekolah menengah, topik ini diperkenalkan kepada para pelajar Tingkatan 1 yang berumur 13 tahun menerusi mata pelajaran sains Tingkatan 1 yang mana terdapat satu sub topik khusus tentang kitaran haid. Namun begitu, analisis kandungan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kandungan pembelajaran kitaran haid yang dimasukkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran sains Tingkatan 1 dengan perbincangan kitaran haid berdasarkan perspektif fiqh sehingga memberi implikasi dari aspek penentuan hukum. Justeru artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti perbincangan darah haid yang ditulis dalam DSKP

Dan Sains. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 158-168.

DOI: 10.35631/IJMOE.517012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



matapelajaran Sains KSSM Tingkatan 1 di Malaysia dengan perbincangan haid menurut perspektif fiqh agar dapat memberi kefahaman yang tepat kepada pelajar bagi mengelakkan wujudnya salah faham dalam menentukan status darah haid dan istihadah dalam pembelajaran mereka yang akan datang. Kajian ini menggunakan kaedah analisis beberapa dokumen berkaitan disiplin sains dan fiqh dengan menggunakan metod komparatif. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada DSKP mata pelajaran Sains Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di Malaysia, buku teks Sains Tingkatan 1 KSSM di Malaysia, kitab turath fiqh mazhab Syafi'i, artikel-artikel dan kajian ilmiah. Hasil analisis mendapati bahawa, terdapat tiga perbezaan input tentang darah haid yang diletakkan dalam buku teks mata pelajaran Sains Tingkatan 1 dengan perbincangan haid menurut perspektif fiqh iaitu dari aspek; umur akil baligh, umur putus haid dan kitaran haid. Perbezaan input kandungan pembelajaran haid yang ada menjadi justifikasi keperluan adanya kefahaman dan pengertian yang jelas mengenai perkara ini secara khusus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di bawah sub topik ibadat. Justeru, kerjasama daripada semua pihak yang terdiri daripada guru, pihak pentadbiran serta kerajaan adalah sangat penting agar ilmu darah wanita dapat dipelajari oleh semua murid di sekolah sekaligus membantu mereka untuk beribadah dengan lebih yakin.

#### **Kata Kunci:**

Darah Wanita, Kajian Perbandingan Fiqh Dan Sains, Mata Pelajaran Sains, Kitaran Haid.

#### **Abstract:**

Muslim men and women are required to study the corpus of knowledge known as women's blood education, which includes the science of menstruation, childbirth, and istihadah, as well as the related laws. This is due to the fact that the knowledge of women's blood is one of the sub-discussions under the chapter on worship, which contains laws pertaining to the fundamentals of Islam, such as prayer, fasting, and Hajj. At the secondary education level, this topic is introduced to 13-year-old Form 1 students through Form 1 science classes that include a subtopic on the menstrual cycle. The content analysis revealed, however, that there is a significant difference between the menstrual cycle learning content included in the Standard Document for Curriculum and Assessment (DSKP) of Form 1 science subjects and the discussion of the menstrual cycle from the perspective of jurisprudence, which has implications from the standpoint of legal determination. Therefore, the purpose of this article is to compare the discussion of menstrual blood written in the Standard Document for Curriculum and Assessment DSKP of Science KSSM Form 1 in Malaysia with the discussion of menstruation from a jurisprudential perspective in order to provide students with a correct understanding and prevent the existence of misunderstandings in determining the status of menstrual blood and istihadah in their subsequent learning. This research employs the comparative method to analyse multiple documents pertaining to the disciplines of science and fiqh. Analysed documents included the Standard Document for Curriculum and Assessment DSKP for Science subjects in the Malaysian Secondary School Standard Curriculum (KSSM), the Malaysian KSSM Form 1 Science textbook, the Syafi'i school of law, articles, and scientific studies. According to the results of the analysis, there are three differences in the input about menstrual blood that is placed in the textbook of Science subjects Form 1 with the discussion of menstruation from the perspective of the law, namely the age of puberty, the age of menopause, and the menstrual cycle. The differences in the input of menstruation learning content necessitate a clear understanding and comprehension of this subject specifically in the subject of Islamic Education under the subtopic of worship.

Therefore, cooperation from all parties, including instructors, the administration, and the government, is crucial so that all students can learn about women's blood in school, thereby enabling them to worship with greater assurance.

**Keywords:**

Women's Blood, A Comparative Study Of Law And Science, Scientific Disciplines, Menstrual Cycle

## Pendahuluan

Keperluan mengenal pasti kejadian darah haid daripada perspektif fiqh dan sains adalah penting bagi memahami secara mendalam tentang kejadian, hikmah dan implikasi darah haid kepada wanita dalam pelaksanaan ibadat mereka. Kefahaman yang jelas dan mendalam mampu meningkatkan lagi tahap keupayaan dan keyakinan seseorang wanita dalam melaksanakan ibadah serta mengekalkan kesihatan bagi meneruskan kelangsungan hidup yang sihat dan harmoni (Fatimah Salleh et al., 2018).

Jika disoroti, perbincangan darah wanita yang meliputi darah haid, nifas, istihadah dan hukum-hakam yang berkaitan dengannya sudah pun ditulis oleh fuqaha bermula daripada Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafiiyyah dan Hanabilah. Secara umumnya perbincangan tersebut disandarkan kepada hukum-hukum syariah yang di ambil daripada al-Quran dan juga al-Sunnah. Kebanyakan hukum-hakam haid yang dibincangkan dalam penulisan tersebut terdiri daripada kajian dan ijtihad yang dibuat berdasarkan kebiasaan wanita pada zaman itu (Falihah, 2020). Selain itu, topik ini juga turut dibincangkan dan dipelajari dari perspektif sains. Hal ini demikian kerana, perkembangan sains dan teknologi pada zaman kini dapat membantu fuqaha untuk menyingkap pelbagai perkara berkaitan penciptaan manusia, khususnya kejadian darah haid yang dialami oleh golongan wanita secara mendalam dan terperinci (al-Rifa'i, 2003).

Menurut Al-Syarwani (2016) kepentingan mempelajari ilmu darah wanita ini dituntut ke atas semua mukalaf kerana ia termasuk dalam ilmu fardu 'ain. Hal ini demikian kerana, ilmu darah wanita merupakan salah satu sub perbincangan di bawah bab ibadat yang melibatkan hukum-hakam dalam rukun Islam seperti solat, puasa, dan haji. Selain itu, ia juga melibatkan hukum-hakam yang lain seperti perkahwinan, penceraian, *iddah* dan sebagainya.

Lantaran itu, jika diamati pembelajaran tentang darah haid, ia bukanlah suatu perkara yang baharu dalam dunia pendidikan hari ini. Malah, menerusi mata pelajaran Sains Tingkatan 1 dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di Malaysia, terdapat satu topik pembelajaran khusus tentang darah wanita yang menyebutkan tentang darah haid yang dipelajari dalam tema 2 iaitu '*Penyenggaraan dan Kesenambungan Hidup*' di bawah bidang pembelajaran (4) iaitu tajuk '*Pembiakan*' dan di letakkan dalam sub topik 4.3 iaitu tajuk '*Kitar Haid*'.

Menerusi sub topik tersebut, murid didedahkan dengan pembelajaran mengenai definisi haid, kitaran haid, hubungkait antara waktu subur kitaran haid dan proses persenyawaan serta kepentingan mengurus kebersihan diri semasa haid daripada perspektif sains. Pembelajaran tentang haid yang diletakkan dibawah satu sub topik khusus dalam mata pelajaran Sains adalah kerana kejadian haid itu sendiri melibatkan tiga organ utama dalam sistem reproduktif wanita iaitu kalenjar pituitari, ovari dan dinding rahim yang dikenali sebagai endometrium (Kasdu,

2005). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya topik ini kebiasaannya diletakkan secara khusus dalam standard kandungan bagi mata pelajaran Sains dan juga Biologi untuk dipelajari oleh murid sekolah menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kandungan pembelajaran kitaran haid yang dimasukkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran sains Tingkatan 1 dengan perbincangan kitaran haid berdasarkan perspektif fiqh sehingga memberi implikasi dari aspek penentuan hukum. Menurut Mangla dan Singla (2015), purata haid yang normal bagi seorang wanita ialah sekitar 28 hari manakala tempoh kebiasaan berlakunya haid antara dua hingga lapan hari serta satu kitaran haid yang lengkap berlaku sekitar 21 hingga 35 hari. Ini bermakna, sekiranya terdapat darah yang keluar selepas berlakunya satu kitaran haid yang lengkap darah tersebut dihukumkan sebagai darah haid. Walau bagaimanapun, kitaran haid dari perspektif sains ini tidak mengambil kira tempoh minimum, tempoh maksimum serta tempoh suci antara dua haid yang dibincangkan oleh fuqaha dalam penulisan mereka (al-Asyqar, 2001). Justeru itu, perbezaan isi kandungan haid yang dibincangkan antara sains dan perspektif fiqh ini akan memberi kesan kepada pelajar untuk menentukan status darah yang dialami oleh mereka sama ada darah tersebut merupakan darah haid atau darah istihadah.

Rentetan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti perbincangan darah haid yang ditulis dalam DSKP matapelajaran Sains KSSM Tingkatan 1 di Malaysia dengan perbincangan haid menurut perspektif fiqh agar dapat memberi kefahaman yang tepat kepada murid bagi mengelakkan wujudnya salah faham dalam menentukan status darah haid dan istihadah dalam pembelajaran mereka yang akan datang.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau bentuk pengiraan (Strauss & Corbin, 1998). Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sumber atau data utama dalam kajian bidang sains sosial (Lebar.O, 2017). Dokumen yang dianalisis terdiri daripada DSKP mata pelajaran Sains Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di Malaysia, buku teks mata pelajaran Sains Tingkatan 1 KSSM di Malaysia, penulisan daripada ulama muktabar Mazhab Syafi'i serta data daripada sumber skunder dengan merujuk kepada bahan bacaan seperti buku, artikel, jurnal dan kertas persidangan.

Seterusnya, dokumen yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah komparatif iaitu kaedah perbandingan yang digunakan untuk menyimpulkan dan membandingkan data-data yang telah diperolehi. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah komparatif untuk mengenalpasti perbezaan perbincangan darah haid yang ditulis dalam DSKP matapelajaran Sains KSSM Tingkatan 1 di Malaysia dan membandingkannya dengan perbincangan yang ditulis oleh fuqaha daripada mazhab Syafi'i supaya dapat mengelakkan salah faham kepada pelajar dalam menentukan status darah haid dan istihadah dalam pembelajaran mereka yang akan datang.

### **Dapatan Dan Perbincangan**

Menerusi hasil analisis yang dilakukan oleh pengkaji dengan merujuk kepada DSKP mata pelajaran Sains serta buku teks Sains Tingkatan 1 KSSM dibawah tajuk "*Kitaran haid*", pengkaji

mendapati bahawa terdapat tiga perbezaan input tentang darah haid yang diletakkan di dalam buku teks Sains Tingkatan 1 dengan perbincangan haid daripada perspektif fiqh iaitu daripada aspek umur akil baligh, umur menopause dan kitaran haid seperti dalam huraian di bawah.

### ***Perbezaan Dari Aspek Umur Akil Baligh***

Berdasarkan sub topik '*Perubahan Fizikal Yang Berlaku Ketika Akil Baligh*' yang dipelajari dibawah tema '*Sistem Pembiakan dan Perempuan*' dalam mata pelajaran Sains Tingkatan 1 menyatakan bahawa, umur paling awal seorang perempuan mengalami akil baligh ialah pada usia 10-12 tahun. Kenyataan ini berbeza dengan umur akil baligh yang ditetapkan oleh fuqaha Mazhab Syafi'i yang menyebutkan bahawa terdapat tiga tanda akil baligh yang dialami oleh seorang wanita iaitu (al-Saqqaf, 2020):

- i. Keluar darah haid seawal usia 9 tahun *qamariyyah taqribiyyah* kepada seorang wanita.
- ii. Keluar air mani bagi wanita ketika berusia 9 tahun *qamariyyah taqribiyyah* menurut pandangan Ibn Hajar dan 9 tahun *tahdidiah* (tepat umur 9 tahun) mengikut padangan Imam Ramli.
- iii. Sekiranya tidak berlaku salah satu tanda di atas, maka umur baligh wanita itu adalah ketika usianya genap 15 tahun *tahdidiah*.

Penetapan umur 9 tahun *qamariyyah taqribiyyah* sebagai umur minimum seorang wanita mencapai usia akil baligh adalah berdasarkan *athar* yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah R.A (Ibn Qudamah, 1994):

إِذَا بَلَغَتِ الْجَارِيَةُ تِسْعَ سِنِينَ فَهِيَ امْرَأَةٌ

Maksudnya: *Jika seorang kanak – kanak telah sampai umurnya 9 tahun, maka dia adalah seorang perempuan.*

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2011), penerangan dan penekanan mengenai darah haid kepada anak perempuan hendaklah bermula seawal usia 9 tahun. Hal ini demikian kerana, usia tersebut merupakan usia paling awal seorang anak perempuan boleh didatangi haid. Kenyataan ini juga dipersetujui oleh Fatimah Salleh et al., (2020) yang menyatakan bahawa, antara pendidikan asas darah wanita yang perlu difahami dan diketahui oleh murid seawal usia 9 tahun ialah; definisi haid dan istihadah, implikasi haid kepada mereka yang sudah baligh, warna darah haid, tempoh minima dan maksima darah haid, hukum-hakam yang berkaitan haid dan istihadah serta pengurusan solat wanita istihadah.

Justeru itu, pendedahan umur akil baligh yang tepat untuk dipelajari oleh murid sekolah menengah adalah sangat penting. Hal ini demikian kerana, penetapan umur akil baligh ini menjadikan seorang lelaki atau wanita itu layak dikenakan kewajiban syariat ke atasnya seperti solat, puasa, haji dan ibadat-ibadat yang lain (al-Saqqaf, 2020).

### ***Perbezaan Dari Aspek Umur Maksimum Haid (Menopause)***

Putus haid atau dikenali sebagai menopaus merupakan satu keadaan apabila seorang wanita tidak lagi mengalami darah haid. Menopaus berlaku apabila ovari wanita berhenti berfungsi serta tahap hormon estrogen dan progesteron yang dihasilkan ovari berkurangan (Anisah, 2014). Menerusi ruangan eksplorasi sains dalam buku teks mata pelajaran Sains KSSM Tingkatan 1, seorang wanita boleh mengalami menopaus bermula pada usia 48 hingga 55 tahun. Angka umur menopaus yang diletakkan di dalam buku teks ini adalah sepertimana yang

disebutkan oleh fuqaha daripada Mazhab Hanafi iaitu kebiasaan wanita mengalami menopause pada usia 50 hingga 55 tahun (Ibn 'Abidin, 2003).

Pandangan ini berdasarkan kepada *athar* yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA (al-Albani, tt):

قَوْلُ عَائِشَةَ: إِذَا بَلَغَتِ الْمَرْأَةُ خَمْسِينَ سَنَةً خَرَجَتْ مِنْ حَدِّ الْحَيْضِ

Maksudnya: *Jika telah sampai umur 50 tahun kepada seorang wanita maka dia telah keluar daripada tempoh haid.*

Ini bermakna, apabila seorang wanita sudah mencapai umur tersebut dan mendapati ada darah yang keluar daripada farajnya, maka darah itu dihukumkan sebagai darah istihadah. Walau bagaimanapun, kebanyakan isi kandungan kurikulum pembelajaran yang berkaitan dengan hukum fiqh yang digubal, menjadikan Mazhab Syafi'i sebagai asas rujukan (Zamri Abd Rahim, 2014). Hal ini terbukti apabila setiap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia pada semua peringkat didominasi oleh Mazhab Syafi'i sekaligus menjadikannya sebagai sumber utama dalam penggubalan kurikulum. Namun begitu, terdapat juga sedikit keterbukaan dalam menerima pandangan mazhab-mazhab tiga yang lain dan juga pendapat ulama kontemporari. Perkara ini jelas sepertimana yang dinyatakan dalam Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012):

*Matlamat pendidikan Islam di sekolah agama KPM adalah untuk membentuk insan seimbang berteraskan kekuatan ilmu, iman dan amal berasaskan al-Quran dan as-Sunnah dan berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Mazhab Syafi'i.*

Justeru itu, penetapan umur menopause yang dinyatakan dalam ruangan eksplorasi sains buku Teks Sains Tingkatan 1 KSSM ini berbeza dengan penetapan umur menopause yang digunakan dalam Mazhab Syafi'i. Menurut al-Mawardi (1994), tiada penetapan umur maksimum bagi seorang wanita daripada didatangi darah haid selagimana dirinya hidup. Hal ini demikian kerana, Allah SWT menciptakan darah haid khusus buat anak Adam yang perempuan. Oleh kerana itu, pendarahan haid masih boleh berlaku kepada wanita walaupun sudah mencapai usia menopause.

Penetapan ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ ۗ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ ۗ

Surah al-Baqarah 2:222

Maksudnya: *Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat".*

Al-Qurtubi (2006) dalam tafsirannya menyatakan, Allah SWT mengkhabarkan kepada manusia bahawa haid itu adalah suatu kekotoran yang keluar daripada faraj wanita. Jika didapati darah itu keluar daripada rahim wanita maka darah itu adalah darah haid dan dihukum padanya hukum-hukum haid. Pendapat ini menjadikan keberadaan darah sebagai sandaran hukum.

Oleh kerana itu, jika seorang wanita yang sudah lanjut usianya mendapati ada darah yang keluar daripada farajnya dalam keadaan menepati syarat-syarat haid, maka darah tersebut dihukumkan haid dan wajib keatas dirinya untuk mengambil hukum-hakam larangan ke atas wanita yang sedang haid.

### ***Perbezaan Tentang Kitaran Haid***

Perbincangan haid dari perspektif fiqh merujuk kepada satu fasa sahaja iaitu fasa haid yang meliputi tempoh minimum, tempoh maksimum dan tempoh suci antara dua haid (al-Kaff, 2003). Berbeza dengan perbincangan haid yang ditulis dalam buku teks mata pelajaran Sains Tingkatan 1 KSSM sains yang membahagikan haid kepada empat fasa iaitu fasa haid yang berlaku pada hari pertama sehingga hari ke-lima, fasa pemulihan lapisan uterus yang berlaku pada hari ke-enam sehingga hari ke-sebelas, fasa subur yang berlaku pada hari ke-dua belas sehingga hari ke-tujuh belas dan fasa prahaid yang berlaku pada hari ke-lapan belas sehingga hari ke-dua puluh lapan.

Fasa pertama merupakan fasa haid iaitu apabila hormon estrogen dan progesteron mulai berkurangan. Pembuluh darah arteri yang kecil dikenali sebagai spiral arteri bertindak sebagai pembekal darah sementara lapisan dalaman di ruang rahim wanita akan mulai tertutup. Fasa ini berlaku pada hari ke-empat belas dari proses ovulasi. Kesannya, apabila kekurangan nutrisi dalam endometrium dan oksigen lapisan ini akan mulai terhakis dan gugur. Ketika ini, pendarahan haid akan dialami oleh seorang wanita. Ia disebut sebagai menstruasi iaitu fasa pertama dalam kitaran haid normal. Kebiasaannya, fasa haid berlaku bermula hari pertama sehingga hari ketujuh (Ten Teachers, 2017). Hal ini selari dengan kebiasaan haid yang disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud berdasarkan persoalan yang diajukan oleh Himnah bint Jahsh kepada Rasulullah SAW:

فَتَحِيَّيْ سِتَّةَ أَيَّامٍ أَوْ سَبْعَةَ أَيَّامٍ فِي عِلْمِ اللَّهِ

Maksudnya: *Jalanilah pendarahan haid menurut hukum yang dikehendaki oleh Allah SWT selama enam atau tujuh hari.* (Sunan Abu Daud, Kitab al-Haid, Bab Hukum al-Mustahadah, 287)

Hadis dia atas menjadi sandaran bahawa kebiasaan tempoh haid yang dialami oleh wanita adalah enam atau tujuh hari. Walau bagaimanapun, fuqaha daripada mazhab Syafi'i memperincikan lagi tempoh kebiasaan ini dengan mengambil kira keadaan darah yang keluar pada ketika itu sama ada darah tersebut keluar selama 24 jam secara bersambung atau secara terputus-putus (Mansoor, 2017). Keperluan untuk mengetahui darah tersebut keluar secara 24 jam yang bersambung atau terputus-putus adalah penting kerana ia memberi implikasi kepada penentuan status darah yang keluar. Darah yang keluar terputus-putus jika dijumlahkan masanya dalam tempoh 15 hari 15 malam maksimum haid mencukupi 24 jam, maka darah tersebut dihukumkan haid. Sebaliknya, jika jumlah darah tersebut tidak mencukupi 24 jam, maka darah tersebut dihukumkan istihadah (al-Saqqaf, 2013).

Seterusnya, fasa kedua dan ketiga merupakan fasa pemulihan dan fasa subur atau dikenali juga sebagai fasa folikel iaitu fasa yang berlaku ketika proses kitaran haid. Dalam kitaran haid normal, hormon estrogen yang dihasilkan oleh *maturing ovarian follicle* akan menyebabkan pertumbuhan kelenjar di dinding rahim dan bahagian dinding rahim paling dalam iaitu endometrium. Sebahagiannya akan menebal disebabkan berlakunya peningkatan bekalan darah

pada dinding rahim (Hacker & Moores, 2016). Fasa ini umumnya berlaku sekitar 6 – 20 hari. Kebiasannya, ovulasi akan berlaku pada hari ke-14 untuk kitaran haid selama 28 hari dan pada hari ke-16 untuk kitaran haid 30 hari. Dengan itu, ovulasi biasanya berlaku kira-kira 14 hari sebelum bermula haid yang seterusnya (Hasim et al, 2016). Pada asasnya, fasa folikel yang berlaku ini dikenali juga sebagai tempoh sebanyak-sebanyak haid 15 hari 15 malam menurut perspektif fiqh. Justeru itu, darah yang keluar semasa fasa ini kesemuanya dihukumkan sebagai haid.

Al-Syirbini (2000), dalam penulisannya tentang haid memperincikan lagi bahawa, sekiranya berlaku keadaan *naqa* iaitu satu keadaan yang mana seorang wanita mendapati dirinya sudah bersih daripada darah, kemudian setelah itu darah kembali semula dalam tempoh 15 hari 15 malam maksimum haid, maka *naqa* tersebut dihukumkan juga sebagai darah haid. Ini juga merupakan perkara yang disepakati oleh fuqaha daripada mazhab al-Syafi'i (al-Darimi, 2004; Ibn Hajar al-Haitami, 2017). Oleh itu, semasa fasa ini persenyawaan berkemungkinan berlaku sekiranya terdapat sperma yang melekat ((Hacker & Moores, 2016).

Fasa yang ke-empat pula ialah fasa prahaid atau dikenali sebagai fasa luteal iaitu fasa terakhir dalam kitaran haid yang mana bermula selepas ovulasi sehingga ke hari pertama haid (Tolga, 2015). Semasa fasa ini, folikel dominan yang kosong membentuk korpus luteum dengan sokongan hormon pituitari. Korpus luteum menghasilkan progesteron yang meningkatkan penghasilan estrogen untuk dua minggu berikutnya. Seterusnya, progesteron memainkan peranan penting dalam menukar endometrium proliferaatif menjadi lapisan penerima rembesen bagi pembentukan pembenihan dan sokongan bagi peringkat awal kehamilan. Jika persenyawaan itu tidak berlaku, ovum akan keluar daripada badan wanita dalam bentuk aliran pendarahan haid. Jika persenyawaan berlaku, embrio akan terbenam pada lapisan endometrium dalam rahim dan menghalang wanita untuk kedatangan haid (Richard et al., 2014). Menurut perspektif fiqh, darah yang keluar semasa fasa luteal dianggap sebagai darah istihadah. Hal ini demikian kerana, fasa luteal merupakan satu tempoh suci daripada haid sepertimana yang digariskan oleh fuqaha tentang tempoh minimum suci antara dua haid ialah 15 hari 15 malam suci (al-Syirbini, 2000). Manakala daripada perspektif sains pula, darah yang masih keluar ketika fasa ini dianggap mengalami masalah kitaran haid yang tidak teratur. Kitaran haid yang tidak teratur ini boleh berlaku disebabkan hormon yang tidak stabil, gangguan emosi serta penambahan berat badan (Kwak et al, 2019).

Kajian yang dilakukan oleh Harris et al., (2017) mendapati bahawa, purata satu kitaran haid yang normal dari perspektif sains ialah 28 hingga 30 hari. Tempoh yang paling singkat ialah 21 hari serta tempoh yang paling panjang melebihi tiga hingga enam bulan. Hal ini juga sepertimana yang dijelaskan dalam buktu teks mata pelajaran Sains Tingkatan 1 KSSM (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Ini bermakna, sekiranya terdapat darah yang keluar selepas berlakunya satu kitaran haid yang lengkap darah tersebut dihukumkan sebagai darah haid. Walau bagaimanapun, kitaran haid dari perspektif sains ini tidak mengambil kira tempoh minimum, tempoh maksimum serta tempoh suci antara dua haid yang sepertimana dibincangkan oleh fuqaha dalam penulisan mereka (al-Asyqar, 2001). Kajian yang dilakukan oleh Faliyah (2020) pula mendapati bahawa, purata haid 28 hari bagi seorang wanita normal ini sesuai digunakan sekiranya wanita tersebut mengalami haid dan suci secara teratur. Sebagai contoh seorang wanita kebiasaannya mengalami haid selama 7 hari dan suci selama 23 hari. Hal ini sepertimana yang diujahkan oleh al-Kaff (2003) dalam penulisannya iaitu jika kebiasaan seorang wanita haid selama 6 hari maka sucinya selama 24 hari. Jika haidnya selama 7 hari



maka sucinya selama 23 hari. Maka, dalam keadaan ini purata haid 28 hari sesuai digunakan kepadanya. Walau bagaimanapun, jika seorang wanita mengalami haid secara tidak teratur seperti darah haid keluar melebihi tempoh sebanyak-banyak haid atau tidak mencukupi tempoh sekurang-kurang suci, maka purata 28 hari kitaran haid tidak dapat diaplikasikan kepadanya. Justeru dalam keadaan ini, guru sains yang beragama Islam memainkan peranan penting untuk menjelaskan persamaan serta perbezaan kitaran haid yang terdapat dari perspektif fiqh dan sains agar dapat memberi pemahaman kepada murid dalam pelaksanaan ibadat mereka.

### Kesimpulan

Haid merupakan suatu proses semula jadi yang di alami oleh setiap wanita. Penerapan ilmu darah wanita dari perspektif fiqh perlu dilaksanakan dengan lebih terperinci dalam mata pelajaran Pendidikan Islam agar murid dapat memahami bab darah wanita dari aspek penentuan status darah serta hukum-hakam yang bersangkutan-paut dengan perkara ibadat. Perbezaan input kandungan pembelajaran haid yang ada menjadi justifikasi keperluan adanya kefahaman dan pengertian yang jelas mengenai perkara ini bermula daripada peringkat sekolah. Justeru, kerjasama daripada semua pihak yang terdiri daripada guru, pihak pentadbiran serta kerajaan adalah sangat penting agar ilmu darah wanita dapat dipelajari oleh semua murid di sekolah sekaligus membantu mereka untuk beribadah dengan lebih yakin.

### Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG030L-2022.

### Rujukan

Al-Quran.

Abdul al-Rahman Muhammad Abdullah al-Rifa'i. (2003). *Masail al-Haid wa al-nifas wa al-Istihadah fi al-Sunnah al-Nabawiyah*. Terjemahan : Mahfud Hidayat Lukman dan Ahmad Muzayyin Safwan. Tuntutan Haidh, Nifas dan Darah Penyakit Tinjauan Fiqih dan Medis. Jakarta: Mustaqim.

Al-Albani (t.t) Nasir al-Din, *Irwa al-Ghalil Fi Takhrij Ahadith Mana al-Sabil*. Jilid Pertama. Cetakan ke-2. Lubnan: Maktabah al-Islami.

Al-Darimi, Kamal al-Din Abi al-Baq'a' Muhammad (2004). *al-Najm al-Wahhaj Fi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Minhaj.

Al-Mawardi, Abi Hasan Ali bin Muhammad bin Habib, (1994). *al-Hawiy al-Kabir*. Jil.1. Cet.1, Beirut: Dar al-Kutub Ilmiah.

Al-Qurtubi (2006), *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, juz.3, cet,1, Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.

Al-Saqqaf (2020). *al-Ibanah wa al-Ifadhah Fi Ahkam al-Haid wa al-Nifas wa al-Istihadah 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Cet. 6. Kaherah: Dar-Tholib al Azhari.

Al-Syarwani, Abdullah al-Hamid. (1938). *'Ala Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Jilid Pertama. (T.tp: Maktabah al-Tijariya al-Kubra.

Al-Syirbini, Shamsuddin Muhammad (2000), *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifa Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Juz. 1. Beirut: Dar-Kutub al-Ilmiyyah.

Anisah Bt Abd Ghani. (2014). *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*. Telaga biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur: Malaysia

Dra. Dini Kasdu et al (2005). *Solusi Problem Wanita Dewasa*. Cetakan Pertama. Jakarta: Pustaka Pembangunan Swadaya Nusantara.

- Hacker & Moores's (2016). *Essentials of Obstetrics & Gynecology*. Kanada: ElSevier
- Harris, H. R., Titus, L. J., Cramer, D. W., & Terry, K. L. (2017). Long and irregular menstrual cycles, polycystic ovary syndrome, and ovarian cancer risk in a population-based case control study. *International journal of cancer*, 140(2), 285-291. <https://doi.org/10.1002/ijc.30441>.
- Hasim, N. A., Kashim, M. I. A. M., OTHAMAN, R., & YAHAYA, M. Z. (2016). Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah. *Sains Malaysiana*, 45(12), 1879-1885.
- Hassan bin Ahmad bin Muhammad Salim al-Kaff (2003). *al-Taqrirah al-Sadidah Fi Masail al-Mufidah*. Cet. 1. Tarim: Dar-Ulum wa al-Da'wah.
- Ibn Hajar al-Haitami, Syekh Islam Shibabuddin. (2017). *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Jil.1. Cet.6 Beirut: Dar Al-Kotob Ilmiah.
- Ibn Qudamah (1994). *al-Mughni*. Jil.1. Lubnan-Beirut: Dar Fikr.
- Ibn Rushd al-Qurṭubi (t.t). *al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. Jilid Pertama. Qatar: Idarah Ihya Turath Islami.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Edisi Ketiga. Giga Wise Network Sdn. Bhd. Shah Alam: Selangor.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sains Tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya.
- Kwak, Y., Kim, Y., & Baek, K. A. (2019). Prevalence of irregular menstruation according to socioeconomic status: A population-based nationwide cross-sectional study. *PloS one*, 14(3). 1-12. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0214071>.
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Cetakan kedua. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mangla, M., & Singla, D. (2015). Is the risk of menstrual abnormalities higher among women after tubectomy? A case—control study. *International Journal Medical Science and Public Health*, 4(9), 1251-1254.
- Mansoor Bin Ismail (2017). *Izalatul Iltibas Syarah Tuhfatul al-A'izza'*. Kuala Lumpur: Miftahul Ulum Sri Petaling.
- Mesen, T. B., & Young, S. L. (2015). Progesterone and the luteal phase: a requisite to reproduction. *Obstetrics and Gynecology Clinics*, 42(1), 135-151. <https://doi.org/10.1016/j.ogc.2014.10.003>.
- Richard et al (2014). *Human Reproductive Biology*. Cetakan ke-4. Oxford: Elseviers Science & Technology Right Department.
- Saleh, S. F. B., Yusuff, Z. B. M., Ismail, S. K. B., Nordin, N. B., Muda, T. F. M. B. T., & Ali, R. B. M. (2020). Analisis Pendidikan Darah Wanita dalam Kurikulum Rendah dan Menengah di Malaysia. *TAMADDUN: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*. 21(1), 145-160. <http://dx.doi.org/10.30587/tamaddun.v21i1.1386>.
- Shamsuddin al-Ramli. (2021). *Nihayatul Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*. Jil.1. Cet.1. Beirut Lubnan: Dar al-Nafais.
- Siti Falihah binti Yaakob (2020), *Kaedah Penentuan Haid dan Istihadah Menurut Perspektif Fiqh dan Sains Perubatan*. [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya].
- Siti Fatimah Salleh et al (2018). Konotasi Darah Haid Menurut Perspektif Perubatan dan Al Quran (*Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dan Masyarakat Kontemporari*). <http://www.fki.unisza.edu.my>.
- Strauss, A & Corbin, J. (1998). *Basics Of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures And Techniques*. Newbury Park: Sage.
- Ten Teachers (2017). *Gynaecology*. Cetakan ke-20. New York: CRC Press Boca Raton.

‘Umar Sulaiman al-Ashqar et al (2001), *al-Ḥaiḍ wa al-Nifas wa al-Ḥaml Baina al-Fiqh wa al-Ṭibb* dalam *Dirāsāt Fiqhiyyah fī Qaḍaya Ṭibbiyyah al-Mu’asirah*. Jilid Pertama. Jordan: Dar Nafais.

Vengadesh Periasamy et al (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sains Tingkatan 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka: Malaysia.